

Keharmonian kaum lahir apabila undang-undang dilaksanakan secara adil

● Kebebasan beragama dijamin
Perlembagaan Persekutuan tidak pernah
dimaksudkan sebagai lesen melanggar
undang-undang tanah dan perancangan

● Di beberapa negara lain, isu struktur agama
dibina tanpa kebenaran ditangani sebagai soal
perundangan dan penggunaan tanah, bukan
hanya sensitiviti agama semata-mata

Oleh Dr Mohamed Rashid Ab Razak
bhrencana@bh.com.my

Isu kewujudan rumah ibadat tidak sah yang dibina tanpa kelulusan pihak berkuasa, kembali menjadi perbincangan hangat dalam masyarakat.

Perbincangan ini bukan sekadar soal perancangan bandar atau pemilikan tanah, tetapi berkembang menjadi isu sensitif menyentuh hubungan antara kaum, persepsi keadilan dan kepercayaan rakyat terhadap ketegasan pihak berkuasa melaksanakan undang-undang.

Apa yang lebih membimbangkan ialah apabila pelaksanaan undang-undang dilihat tidak konsisten, berpilih atau terlalu bertolak ansur sehingga

menimbulkan tanggapan layanan dwistandard. Persepsi ini berpotensi mencetuskan ketidakpuasan hati awam dan akhirnya menggugat keharmonian masyarakat majmuk negara ini.

Dari sudut perundangan, kedudukan undang-undang mengenai pembinaan bangunan, termasuk rumah ibadat, adalah jelas. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Kanun Tanah Negara 1965, serta undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT) mensyaratkan sebarang pembinaan mesti mendapat kelulusan, mematuhi status tanah dan selaras pelan guna tanah diluluskan.

Tiada pengecualian prinsip undang-undang dibuat atas alasan agama, kaum atau sejarah pendudukan. Kebebasan beragama dijamin Perlembagaan Persekutuan tidak pernah dimaksudkan sebagai lesen melanggar undang-undang tanah dan perancangan.

Kebebasan itu perlu dilaksanakan dalam kerangka undang-undang, memelihara ketenteraman awam dan menjaga kepentingan bersama. Oleh itu, apabila terdapat rumah ibadat dibina di atas tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah milik pihak lain tanpa kebenaran, ia satu bentuk pencerobohan dan pelanggaran undang-undang, tanpa mengira siapa pelakunya.

Isu rumah ibadat dibina tanpa kebenaran bukan janggal lagi kerana angka rasmi menunjukkan ia satu fenomena membabitkan ratusan, bahkan mungkin mencecah ribuan tapak di seluruh negara.

Seperti didedahkan EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Pulau Pinang, Lim Siew Khim, sehingga Mei 2025 ada 136 tapak rumah ibadat bukan Islam dibina tanpa kelulusan PBT.

Daripada jumlah itu, 115 tapak terletak di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), manakala 21 tapak di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Angka ini menunjukkan penurunan daripada 149 dan 43 tapak masing-masing pada 2023-2024 kerana usaha pemantauan dan pengemaskinian data pihak berkuasa.

Dalam laporan lain, daripada jumlah tapak tidak sah ini, enam struktur dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh PBT, kebanyakannya membabitkan 'shrine' kecil atau binaan lain menceroboh tanah rizab kerajaan. Tindakan itu

diambil di pelbagai kawasan, termasuk Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Timur Laut Pulau Pinang.

Bukan kes terpencil

Statistik sebegini menunjukkan isu ini bukan sekadar kes terpencil, tetapi wujud dalam jumlah yang signifikan dan menyerlahkan kekangan penguatkuasaan serta cabaran pemantauan berterusan PBT.

Terdapat data direkodkan di negeri lain seperti Selangor yang mana PBT mengumpulkan maklumat mengenai ratusan struktur ibadat tanpa izin atau tidak berdaftar, termasuk statistik dalaman menunjukkan jumlah ratusan kuil dalam pelbagai kawasan PBT di negeri itu.

“Malaysia tidak kekurangan undang-undang. Apa yang diperlukan ialah keberanian politik dan integriti pentadbiran untuk melaksanakannya. Jika isu rumah ibadat haram terus ditangani secara berpilih, negara bukan sahaja berisiko kehilangan kedaulatan undang-undang, tetapi merosakkan kestabilan sosial sudah dibina sekian lama”

Ini menggambarkan isu struktur tanpa permit bukan unik kepada satu negeri sahaja, tetapi fenomena berulang di banyak lokasi urban dan pinggir bandar Malaysia.

Semua statistik ini mencerminkan isu rumah ibadat tanpa kelulusan bukan sekadar fenomena terpencil, tetapi satu realiti memerlukan pendekatan komprehensif, berterusan dan berpanduan undang-undang jelas, bukan pendekatan sementara atau bersifat *ad hoc*.

Di beberapa negara lain, isu struktur agama dibina tanpa kebenaran juga ditangani sebagai soal perundangan dan penggunaan tanah, bukan hanya sensitiviti agama semata-mata. India contoh jelas bagaimana mahkamah dan pihak berkuasa bertindak apabila struktur

agama didirikan tanpa kelulusan sah.

Pada 2025, *The Times of India* melaporkan Mahkamah Tinggi Punjab & Haryana mengarahkan pembongkaran sebuah gurdwara dan sebuah kuil dibina secara tidak sah di sebuah kawasan perumahan di Kharar, Mohali, kerana kedua-dua struktur itu tidak mempunyai pelan dan kelulusan diperlukan peraturan perancangan bandar.

Mahkamah memberikan tempoh enam minggu kepada persatuan kebajikan penduduk memindahkan kitab suci, patung dan bahan keagamaan secara terhormat sebelum tindakan seterusnya diambil pihak berkuasa sekiranya tidak dipatuhi.

Laporan lain oleh *Hindustan Times* turut melaporkan Mahkamah Tinggi berkenaan 'membersihkan jalan' untuk pembongkaran kuil dan gurdwara yang sama kerana dibina tanpa kebenaran, sambil menekankan struktur berkenaan tidak sah dalam konteks undang-undang perancangan.

Selain itu, *Indian Express* melaporkan Mahkamah Tinggi Punjab & Haryana mengeluarkan notis penghinaan terhadap mahkamah kepada pegawai peringkat negeri kerana kegagalan mereka mematuhi arahan mahkamah tertinggi India dikeluarkan sejak 2009 dan dikuatkuasakan semula pada 2018 untuk membuang struktur agama tanpa kebenaran daripada tanah awam.

Mahkamah menegaskan arahan ini harus dipatuhi dan pihak berkuasa gagal melaksanakannya sepenuhnya meskipun berulang kali diperintahkan.

Contoh tindakan ini memperlihatkan dalam sistem perundangan India, struktur agama dibina di kawasan tidak dibenarkan atau tanpa kelulusan boleh dianggap pelanggaran undang-undang guna tanah, sekali gus mahkamah serta pihak berkuasa mempunyai kuasa memerintahkan pembongkaran secara berperingkat, termasuk memberi ruang pemindahan bahan keagamaan secara terhormat sebelum tindakan undang-undang diambil.

Pendekatan ini menunjukkan isu berkenaan ditangani berdasarkan peraturan guna tanah dan ketertiban awam, bukan berdasarkan keistimewaan agama. Walaupun konteks sosial berbeza, prinsip ini memberikan rujukan penting bagaimana undang-undang perlu dilaksanakan secara neutral terhadap semua agama, demi memelihara struktur perancangan bandar dan kepentingan bersama.

Hakikatnya, keharmonian kaum tidak dapat dipelihara dengan menanggukkan masalah atau membiarkan pelanggaran undang-undang berlarutan. Keharmonian sebenar hanya lahir apabila semua pihak yakin undang-undang dilaksanakan secara adil, konsisten dan berwibawa.

Malaysia tidak kekurangan undang-undang. Apa yang diperlukan ialah keberanian politik dan integriti pentadbiran untuk melaksanakannya. Jika isu rumah ibadat haram terus ditangani secara berpilih, negara bukan sahaja berisiko kehilangan kedaulatan undang-undang, tetapi merosakkan kestabilan sosial sudah dibina sekian lama.



Pensyarah
Kanan Kulliyah
Undang-Undang
Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam
Antarabangsa
Malaysia (UIAM)